

23 APR 1999

Majlis-Aeroangkasa

MIGHT HARAP MAJLIS AEROANGKASA KEBANGSAAN DILANCAR TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) berharap Majlis Aeroangkasa Kebangsaan dapat dilancarkan tahun ini setelah tertangguh akibat beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Pengerusi MIGHT, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata majlis itu perlu diadakan berikutan perkembangan pesat industri aeroangkasa di negara ini.

"Malaysia kini mempunyai industri aeroangkasa yang berkembang dengan amat pesat dan ini memerlukan sebuah badan penyelaras untuk mengawal selia haluan dan pertumbuhannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis taklimat MIGHT kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Omar, yang juga Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata industri aeroangkasa pada keseluruhannya memerlukan kemahiran dan peralatan berteknologi tinggi serta sokongan kuat kerajaan untuk memastikan kejayaannya.

Sehubungan itu, beliau berkata MIGHT mencadangkan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai majlis itu.

Penubuhan majlis itu terkandung di dalam rangka tindakan aeroangkasa Malaysia, yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri di Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) keempat pada 1997, katanya.

Omar berkata menurut pengumuman Dr Mahathir itu, majlis berkenaan akan membuat keputusan-keputusan yang penting dalam bidang arahan, keutamaan dan strategi bagi industri berkenaan.

Terdahulu, di dalam taklimat yang berlangsung hampir dua jam itu, MIGHT mencadangkan penubuhan Lembaga Penerbangan Malaysia dan badan penyelaras aeroangkasa kebangsaan.

Ia juga mencadangkan supaya kajian dijalankan terhadap pembangunan sumber tenaga manusia di dalam bidang aeroangkasa dan mengenai latihan inventori untuk industri aeroangkasa negara.

MIGHT turut mengemukakan cadangan untuk menjalankan kajian bagi memperkenalkan kursus Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan aeroangkasa di institusi-institusi pengajian tinggi awam.

-- BERNAMA

MHI AHH NAK